

## **Maklumat Am**

### **Program yang terlibat**

- Bachelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

### **Tempoh Latihan**

Pelajar diwajibkan untuk menjalani Latihan Industri selama 24 minggu mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak Fakulti.

### **Taklimat Latihan Industri**

Bagi melancarkan proses penempatan Latihan Industri, sesi taklimat Latihan Industri akan diadakan sebanyak dua (2) kali sebelum pelajar menjalani latihan di agensi yang berkenaan. Tarikh perjumpaan akan dimaklumkan dari masa ke semasa oleh pihak fakulti kepada para pelajar.

### **Prosedur Permohonan Latihan Industri**

1. Pelajar dikehendaki mengisi borang permohonan yang akan diedarkan semasa sesi taklimat pertama diadakan.
2. Pelajar bebas untuk memilih mana-mana agensi yang diminati sama ada dari dalam atau luar Negara. Namun begitu, pelajar hanya dibenarkan untuk memilih hanya satu (1) sahaja agensi yang paling diminati untuk menjalani Latihan Industri pada satu-satu masa.
3. Borang yang telah lengkap diisi perlu mendapatkan pengesahan dari setiap Penyelaras Program sebelum dihantar kepada Penolong Penyelaras.
4. Segala maklum balas daripada majikan akan dimaklumkan kepada setiap pelajar dari masa ke semasa
5. Pertukaran penempatan Latihan Industri adalah tidak dibenarkan sama sekali, kecuali jika pihak agensi yang dipohon menolak permohonan yang dibuat.